



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**EKSEKUTIF WANITA MELAYU DAN PEKERJAAN  
DI SEKTOR KORPORAT: SATU ANALISIS  
KONFLIK PERANAN**

**MOHD NOOR BIN JAIS**

**FPP L 1996 2**

EKSEKUTIF WANITA MELAYU DAN PEKERJAAN  
DI SEKTOR KORPORAT : SATU ANALISIS  
KONFLIK PERANAN

MOHD NOOR BIN JAIS

MASTER SAINS  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1996



EKSEKUTIF WANITA MELAYU DAN PEKERJAAN  
DI SEKTOR KORPORAT : SATU ANALISIS  
KONFLIK PERANAN

OLEH:


MOHD NOOR BIN JAIS

Kertas Projek ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian  
syarat Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia)  
Di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Pertanian Malaysia

1996

Kertas Projek bertajuk “Eksekutif Wanita Melayu Dan Pekerjaan Di Sektor Korporat : Satu Analisis Konflik Peranan”, yang disediakan oleh Mohd Noor bin Jais memenuhi syarat mendapatkan Master Sains Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Disahkan oleh:



**HJ. AZAHARI BIN ISMAIL, Ph.D**  
Profesor Madya / Pengurus  
Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan  
Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti  
Universiti Pertanian Malaysia  
(Penyelia)



**HJ. AZIMI BIN HAMZAH, Ph.D**  
Profesor Madya / Ketua  
Unit Pengajian Pembangunan Belia  
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Pertanian Malaysia  
(Pemeriksa)



**AMINAH BINTI AHMAD, Ph.D**  
Profesor Madya / Ketua  
Jabatan Pendidikan Pengembangan  
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Pertanian Malaysia  
(Pemeriksa)

Tarikh: **28-12-1996**

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya telah dapat menyediakan kertas projek ini dengan licin dan sehingga sempurna.

Sehubungan dengan itu saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y. Bhg. Prof. Madya. Dr. Hj Azahari bin Hj Ismail selaku penyelia kertas projek ini. Sebagai penyelia beliau telah banyak memberikan bimbingan, nasihat, panduan, tunjuk ajar, pandangan dan galakan yang berkesan pada setiap peringkat kajian yang dijalankan sehinggalah hasrat untuk menyediakan kertas projek ini menjadi satu kenyataan.

Seterusnya kepada semua responden di kalangan eksekutif wanita Melayu di sektor korporat yang telah memberikan kerjasama dan maklumat yang sangat-sangat diperlukan untuk kajian ini seperti di dalam pengisian maklumat soalselidik yang diberikan.

Saya juga amat menghargai segala pandangan, ulasan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh semua para pensyarah di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan “PPPL” Universiti Pertanian Malaysia, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Penghargaan yang tulus ikhlas juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan panduan, sumbangan pemikiran, sokongan serta kerjasama yang di perlukan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali dirakamkan juga setinggi-tinggi penghargaan dan perasaan terhutang budi kepada isteri saya Puan Mariah bte Abd Hamid serta anak-anak iaitu Mohd Farid Faisal dan Muhammad Firdaus kerana sokongan, galakan, dorongan, inspirasi dan kesabaran mereka yang ditunjukkan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung ke arah memperlengkapkan kerja-kerja kursus dan projek ini.

## KANDUNGAN

|                |                                     |      |      |      |      |      | Halaman |
|----------------|-------------------------------------|------|------|------|------|------|---------|
| PENGHARGAAN    | ....                                | .... | .... | .... | .... | .... | iii     |
| SENARAI JADUAL | ....                                | .... | .... | .... | .... | .... | x       |
| ABSTRAK        | ....                                | .... | .... | .... | .... | .... | xii     |
| ABSTRACT       | ....                                | .... | .... | .... | .... | .... | xiv     |
| BAB            |                                     |      |      |      |      |      |         |
| 1              | PENDAHULUAN                         | .... | .... | .... | .... | .... | 1       |
|                | Pengenalan                          | .... | .... | .... | .... | .... | 1       |
|                | Sifat-Sifat Wanita                  | .... | .... | .... | .... | .... | 1       |
|                | Wanita Dan Pekerjaan<br>Di Malaysia | .... | .... | .... | .... | .... | 2       |
|                | Wanita Dan Konflik Peranan          | .... | .... | .... | .... | .... | 3       |
|                | Peranan Wanita Melayu               | .... | .... | .... | .... | .... | 5       |
|                | Wanita Dan Pendidikan               | .... | .... | .... | .... | .... | 6       |
|                | Penyataan Masalah Kajian            | ...  | .... | .... | .... | .... | 7       |
|                | Objektif Kajian                     | .... | .... | .... | .... | .... | 11      |
|                | Batasan Kajian                      | .... | .... | .... | .... | .... | 11      |

## BAB

|    |   |      |      |    |
|----|---|------|------|----|
| II | SOROTAN LITERATUR DAN KAJIAN LEPAS                | .... | .... | 13 |
|    | Pengenalan  | .... | .... | 13 |
|    | Wanita Melayu Dan Pekerjaan                       | .... | .... | 17 |
|    | Bidang Pekerjaan                                  | .... | .... | 17 |
|    | Wanita Melayu Dalam Pertubuhan                    | .... | .... | 19 |
|    | Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi<br>Wanita Bekerja | .... | .... | 20 |
|    | Ekonomi   | ...  | .... | 20 |
|    | Rumahtangga                                       | .... | .... | 22 |
|    | Urbanisasi  | ...  | .... | 25 |
|    | Sikap Masyarakat Dan Pendidikan                   | .... | .... | 25 |
|    | Demografi Dan Perancang Keluarga                  | .... | .... | 26 |
|    | Kemudahan Perkhidmatan                            | .... | .... | 27 |
|    | Psikologikal                                      | .... | .... | 27 |
|    | Akibat Wanita Bekerja                             | .... | .... | 28 |
|    | Kesihatan   | .... | .... | 28 |
|    | Peranan Rumahtangga                               | .... | .... | 29 |
|    | Aktiviti Kemasyarakatan                           | .... | .... | 29 |
|    | Kesan Dalam Pekerjaan                             | .... | .... | 30 |
|    | Kesan Dalam Keluarga                              | .... | .... | 31 |



|  |      |      |      |      |      |    |
|--|------|------|------|------|------|----|
| Hubungan Kuasa Suami Isteri ....             | .... | .... | .... | .... | .... | 31 |
| Pembahagian Tugas Dalam Rumahtangga...       | .... | .... | .... | .... | .... | 33 |
| Penjagaan Anak ....                          | .... | .... | .... | .... | .... | 34 |
| Wanita Melayu<br>Dalam Pekerjaan Formal .... | .... | .... | .... | .... | .... | 34 |
| Wanita Melayu Dan Pendidikan ....            | .... | .... | .... | .... | .... | 35 |
| Definisi Konsep ....                         | .... | .... | .... | .... | .... | 36 |
| Peranan ....                                 | .... | .... | .... | .... | .... | 37 |
| Tekanan Peranan ....                         | .... | .... | .... | .... | .... | 37 |
| Konflik Peranan ....                         | .... | .... | .... | .... | .... | 38 |
| Profesional ....                             | .... | .... | .... | .... | .... | 40 |

## BAB

|     |                              |      |      |      |      |    |
|-----|------------------------------|------|------|------|------|----|
| III | METODOLOGI ....              | .... | .... | .... | .... | 42 |
|     | Kawasan Kajian ....          | .... | .... | .... | .... | 43 |
|     | Sampel Kajian ....           | .... | .... | .... | .... | 43 |
|     | Soalselidik ....             | .... | .... | .... | .... | 44 |
|     | Pra Ujian ....               | .... | .... | .... | .... | 46 |
|     | Proses Pengumpulan Data .... | .... | .... | .... | .... | 47 |
|     | Analisis Data ....           | .... | .... | .... | .... | 48 |
|     | Masalah Pengutipan Data .... | .... | .... | .... | .... | 48 |

## BAB

|    |  |      |      |      |      |      |      |    |
|----|--|------|------|------|------|------|------|----|
| IV | HASIL KAJIAN                                 | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 51 |
|    | Latarbelakang Keluarga Responden             | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 53 |
|    | Pencapaian Pendidikan Responden              | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 53 |
|    | Pekerjaan Dan<br>Pendapatan Responden....    | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 55 |
|    | Pendidikan Suami Responden                   | ...  | .... | .... | .... | .... | .... | 56 |
|    | Pekerjaan Dan Pendapatan<br>Suami Responden  | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 57 |
|    | Perkahwinan Dan Kekeluargaan                 | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 58 |
|    | Wanita Dan Persekitaran Kerja                | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 59 |
|    | Wanita Bekerja                               | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 59 |
|    | Suasana Di Tempat Kerja                      | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 68 |
|    | Diskriminasi Di Tempat Kerja....             | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 69 |
|    | Pola Peranan dan Interaksi Dalam Keluarga    | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 78 |
|    | Pola Pembahagian Tugas Dalam Rumahtangga.... | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 79 |
|    | Pola Penjagaan Dan Pengasuhan Anak           | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 84 |
|    | Pola Interaksi Antara<br>Suami Dan Isteri    | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 90 |
|    | Penyertaan Dalam Aktiviti Rekreasi           | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 92 |
|    | Aktiviti Masa Lapang                         | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 92 |
|    | Organisasi Kemasyarakatan                    | .... | .... | .... | .... | .... | .... | 94 |

|     |  |      |      |      |      |        |
|-----|--|------|------|------|------|--------|
|     | Kesihatan Dan Konflik Peranan                | .... | .... | .... | .... | 96     |
|     | Konflik Peranan Dan Penyesuaian              | .... | .... | .... | .... | 98     |
| BAB |  |      |      |      |      |        |
| V   | KEPUTUSAN KAJIAN,<br>KESIMPULAN DAN CADANGAN | .... | .... | .... | .... | 99     |
|     | Pengenalan                                   | .... | .... | .... | .... | 99     |
|     | Hasil Kajian                                 | .... | .... | .... | .... | 101    |
|     | Kesimpulan Dan Implikasi Kajian              | .... | .... | .... | .... | 106    |
|     | Cadangan Kajian                              | .... | .... | .... | .... | 109    |
|     | RUJUKAN                                      | .... | .... | .... | .... | 110(a) |
| A.  | Soalselidik Yang Digunakan                   | .... | .... | .... | .... | 119    |
| B.  | Kebenaran Menjalankan Kajian....             | .... | .... | .... | .... | 135    |

## SENARAI JADUAL

| Jadual  | Halaman |
|---|---------|
| 1 Peratus Wanita Melayu<br>Mengikut Kategori Pekerjaan ....                                       | 18      |
| 2 Taburan Responden<br>Mengikut Negeri ....   | 51      |
| 3 Taburan Responden Mengikut Umur   | 52      |
| 4 Taburan Responden Mengikut<br>Tahap Pendidikan ....   | 54      |
| 5 Taburan Responden<br>Mengikut Pendapatan ....   | 55      |
| 6 Taburan Responden<br>Mengikut Pendidikan Suami ....   | 56      |
| 7 Taburan Responden<br>Mengikut Pendapatan Suami ....   | 57      |
| 8 Taburan Responden Mengikut Sebab<br>Bekerja dan Kategori Pilihan ....                           | 60      |
| 9 Taburan Responden Mengikut<br>Sebab-Sebab Wanita Melayu Bekerja<br>Dan Kumpulan Pendapatan .... | 63      |
| 10 Taburan Responden Mengikut<br>Sebab-Sebab Wanita Melayu<br>Bekerja Dan Taraf Pendidikan ....   | 65      |
| 11 Taburan Responden Mengikut<br>Diskriminasi Di Tempat Kerja<br>Dan Kekerapan ....               | 71      |

|    |   |      |      |      |      |    |
|----|---|------|------|------|------|----|
| 12 | Taburan Responden Mengikut<br>Diskriminasi Oleh Majikan ....  | .... | .... | .... | .... | 74 |
| 13 | Taburan Responden Mengikut<br>Gangguan Kerjaya ....   | .... | .... | .... | .... | 77 |
| 14 | Taburan Responden Mengikut<br>Pembahagian Tugas Di Antara<br>Suami Dan Isteri Dalam<br>Rumahtangga .... | .... | .... | .... | .... | 81 |
| 15 | Taburan Responden Mengikut<br>Kesesuaian Terhadap<br>Pembantu Rumah ....                                | .... | .... | .... | .... | 86 |
| 16 | Taburan Responden Mengikut Tindakan<br>Ketika Anak Sakit ....   | .... | .... | .... | .... | 87 |
| 17 | Taburan Responden Mengikut<br>Tugas Penjagaan Anak<br>Di Peringkat Bayi ....                            | .... | .... | .... | .... | 88 |
| 18 | Taburan Responden Mengikut<br>Peranan Mendidik Anak-Anak ....   | .... | .... | .... | .... | 89 |
| 19 | Taburan Responden Mengikut<br>Penyertaan Organisasi<br>Dalam Masyarakat ....                            | .... | .... | .... | .... | 95 |
| 20 | Taburan Responden Mengikut<br>Tanda-Tanda Penyakit<br>Psikosomatik ....                                 | .... | .... | .... | .... | 97 |

## ABSTRAK

### EKSEKUTIF WANITA MELAYU DAN PEKERJAAN DI SEKTOR KORPORAT : SATU ANALISIS KONFLIK PERANAN

Mohd Noor bin Jais

Universiti Pertanian Malaysia, 1996

Desember, 1996

Penyelia : Prof. Madya Dr. Hj. Azahari bin Ismail

Fakulti : Pusat Pengembangan Dan Pendidikan Lanjutan (PPPL)

Projek ini adalah satu kajian awalan untuk melihat bagaimana golongan eksekutif wanita Melayu yang bekerja di sektor korporat, dapat mengimbangi peranan mereka di dalam rumahtangga dan di tempat kerja yang dilihat dari sudut analisis konflik peranan. Tumpuan kajian ini khusus kepada eksekutif wanita Melayu yang bekerja di sektor korporat sahaja.

Responden dalam kajian ini adalah terdiri lebih daripada 100 orang eksekutif wanita Melayu yang berkerja di sektor korporat, mereka memegang jawatan sebagai eksekutif dan pengurus dalam bidang-bidang pentadbiran, pengurusan, kejuruteraan, kewangan, perakaunan, pemasaran, latihan, senibena, komputer, undang-undang, pustakawan dan lain-lain. Kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengumpul data-data dan maklumat adalah melalui borang soalselidik, yang diisi sendiri oleh responden.

Disamping itu maklumat juga diperolehi melalui kaedah pemerhatian dan temusol dengan berapa orang responden yang dipilih sebagai pemberi maklumat kajian. Dalam kajian ini didapati bahawa eksekutif wanita Melayu yang bekerja di sektor korporat tidak mengalami konflik peranan yang meluas dan serius, ini kerana terdapatnya sistem sokongan dan teknologi moden yang membolehkan mereka mengendalikan peranan domestik rumahtangga dengan lebih mudah. Disamping itu terdapatnya pertolongan dari suami, saudara mara, jiran, anak-anak dan pembantu rumah dalam mengendalikan urusan rumahtangga serta adanya perkhidmatan di pasaran yang menawarkan perkhidmatan serta peralatan moden yang memudahkan beban dan tugas wanita mengendalikan kerja-kerja dalam rumahtangga.

Pertolongan dari agen-agen lain seperti pembantu rumah, jiran, saudara mara dan institusi lain untuk menjaga anak-anak semasa mereka bekerja. Perkara yang sedemikian memberikan dorongan dan galakkan kepada eksekutif wanita Melayu untuk terus bekerja di luar rumah. Penemuan sampingan yang lain seperti terdapatnya penyusunan semula dalam peranan menguruskan rumahtangga, dan suami turut sama memberikan sumbangan mereka untuk meringgankan tanggungjawab isteri. Sesungguhnya faktor-faktor ekonomi bukanlah merupakan faktor utama yang mendorong eksekutif wanita Melayu keluar bekerja.

## ABSTRACT

### MALAY FEMALE EXECUTIVES AND WORK IN THE CORPORATE SECTOR : ANALYSIS ON ROLE CONFLICT

by

MOHD NOOR BIN JAIS

Universiti Pertanian Malaysia

December, 1996

Supervisor : Assoc. Prof. Dr. Hj. Azahari bin Ismail

Faculty : Center for Extension and Continuing Education

This project is a preliminary research to see the Role conflict in the Malay Female Executives who work in the corporate sector on how they could play a balanced role in their respective homes and work place. This research is concentrated purely to the Malay Female Executives who work in the corporate sector only. The response received for this survey were from more than 100 Malay female Executives who work in corporate sector. They hold positions such as Executives and Manager in the field of Administration, Management, Engineering, Finance, Accountancy, Marketing, Training, Architecture, Computer, Law, Librarian and etc.



The way in which data and information were gathered were through questionnaire forms, which was filled up by the respondents themselves. Besides that, information were also gathered through observation and interview on selected persons who were chosen to be survey candidates.

In this survey, I found that the Malay female Executives does not experience role conflict in a wide range or serious manner. This is because there is a backup system and modern ways to manage the domestic role in an easier manner.

Besides that, they also receive help from their husbands, children, relatives, neighbours and maids to carry out the domestic chores and also the services rendered in the market together with the modern equipment available. These helps to ease the burden and duties of females in carrying out the domestic chores. While at work, they are helped to take care of their children by maids, neighbours, relatives and nurseries.

These said factors continually give motivation and drives the Malay female Executives to work outside their home. Another finding is the re-organising of the role in running the home and also the husbands who equally contribute to ease the burden of wives. Thus, economical factors are not the main factor which drives the Malay female Executives to work outside.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Kajian mengenai wanita telah banyak dilakukan, sehingga kini di seluruh dunia. Pengkaji-pengkaji tempatan seperti Seong (1980, 1981, 1981a) Azizah Kassim (1969) Khadijah Muhamed (1980a) Jamilah Ariffin (1978) Mazidah Zakaria (1980) Faisal Othman (1993) dan Aminah Ahmad (1995, 1996) telah menjalankan penyelidikan tentang wanita dan pekerjaan seterusnya mereka telah mendapati bahawa pandangan masyarakat terhadap kedudukan wanita dan kebolehan mereka adalah rendah dan lemah.

Lewis (1968) dalam kajiannya telah mengatakan bahawa sebilangan besar dari kaum lelaki memandang kaum wanita lebih rendah taraf kedudukan dan kebolehan daripada mereka. Ini kerana dalam sistem nilai dalam masyarakat Barat pada masa itu sangat mementingkan peranan dan kebolehan kaum lelaki sahaja (Lewis, 1968 : 7).

#### **Sifat-Sifat Wanita**

Rosaldo (1972) penemuan kajiannya telah menyatakan bahawa kaum wanita boleh berkuasa dan berpengaruh, jika di bandingkan dengan kaum lelaki. Erickson dan Mc Clelland (1963) telah mengatakan bahawa kemampuan fizikal dan intelektual di antara lelaki dan wanita adalah

ditentukan oleh faktor biologi. Oleh kerana itu, tempat yang sesuai bagi wanita adalah di rumah, menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan urusan rumahtangga, menjaga suami dan anak-anak.

### **Wanita Dan Pekerjaan Di Malaysia**

Ahli-ahli ekonomi seperti Minger (1960) dan Sweet (1973) dalam kajian mereka telah melihat bahawa pekerjaan seorang isteri, dalam menambahkan pendapatan keluarga terutama bagi keluarga yang berpendapatan rendah sebagai satu fenomena penting. Weller (1968) hasil kajiannya telah mengatakan bahawa dengan wujudnya persaingan di antara peranan dalam pekerjaan, keluarga dan rumahtangga, seterusnya pola kadar kelahiran di kalangan pekerja wanita telah berubah, wanita yang bekerja lebih terdorong untuk mengurangkan kadar kesuburan dan kelahiran anak.

Persoalan berhubung dengan dwi kerjaya di kalangan wanita yang bekerja dan ketidak keseimbangan peranan telah juga menarik minat para sarjana sosiologi seperti Durad (1946). Beliau telah mendapati bahawa pengaruh umur dan bilangan anak-anak terhadap penglibatan wanita dalam tenaga kerja. Penglibatan wanita dalam alam pekerjaan didapati adalah tinggi sebelum kelahiran anak yang pertama dan mula menurun selepas kelahiran anak pertama dan kedua. Feree (1976) telah mendapati bahawa ramai dikalangan surirumah mengalami tekanan perasaan kerana mereka

terkongkong akibat tinggal di dalam rumah terlalu lama dan tugas dalam rumahtangga mereka bukan sahaja tidak mencabar tetapi juga membosankan.

### **Wanita Dan Konflik Peranan**

Masalah konflik peranan dikalangan eksekutif wanita Melayu profesional dan pekerjaan di sektor korporat telah mula mendapat perhatian ramai dari pengkaji-pengkaji tempatan. Mereka telah meneliti beberapa aspek yang berkaitan dengan peranan tradisional wanita Melayu yang berperanan sebagai isteri, ibu, pekerja dan pengurus dalam rumahtangga serta peranan baru wanita sebagai pekerja profesional di berbagai organisasi (Aminah bte Ahmad, 1995). Namun begitu, hasil kajian pengkaji tempatan ini boleh dijadikan panduan dan perbandingan tetapi kajian mereka tidak banyak jika dibandingkan dengan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji di negara Barat. Kajian-kajian mereka hanya tertumpu kepada gunatenaga, pencapaian prestasi dalam kerjaya, peluang pekerjaan dan konflik peranan (Tham, 1981 : 44).

Kajian ini adalah satu usaha awalan untuk memahami mengenai kedudukan peranan dikalangan eksekutif wanita Melayu sebagai isteri, ibu, pengurus rumahtangga dan peranan baru mereka sebagai pekerja, eksekutif, pemimpin keluarga dan pengurus profesional yang bekerja di sektor korporat dan swasta di negara ini. Pada masa ini ramai dikalangan eksekutif wanita Melayu telah berjaya memperolehi dan memegang jawatan-jawatan penting

samada dalam sektor kerajaan, swasta dan korporat. Dari sudut profesion pekerjaan bahawa peranan mereka adalah setanding dengan kaum lelaki yang setaraf dengannya, mereka juga adalah sebagai penyumbang yang besar dan amat bermakna kepada kemajuan dan pembangunan negara (Tham, 1981 : 44).

Manderson (1981) dalam kajiannya telah menumpukan kepada penyertaan wanita Melayu dalam organisasi masyarakat. Beliau juga telah meninjau beberapa perkara mengenai pergerakan wanita UMNO, bermula dari tahun 1945 hingga 1975. Kajian Menderson (1981) mendapati bahawa terdapat perkembangan yang besar dalam konteks sejarah dan politik wanita Melayu dalam pergerakan wanita UMNO.

Jamilah (1978) dalam kajiannya juga telah mendapati bahawa penyertaan wanita di dalam sektor korporat semakin bertambah. Beliau telah merumuskan bahawa semenjak tahun 1970an, dan 1980an adalah didapati bahawa jumlah pertambahan bilangan kilang-kilang yang di bina dan didirikan di negara ini terus bertambah dengan begitu pesat sekali dan melibatkan dalam komposisi gunatenaga samada di sektor pembuatan, perkhidmatan dan perkilangan terhadap penyertaan kaum wanita terus meningkat, seterusnya beliau mendapati berlakunya pola migrasi gadis-gadis Melayu dari desa ke bandar. Keadaan yang sedemikian telah merubah aliran struktur gunatenaga wanita Melayu dari sektor tradisional kepada sektor pekerjaan korporat, seperti perkilangan, pembuatan, perniagaan dan perindustrian.

Khadijah (1969) dalam kajiannya telah melihat bahawa penglibatan wanita Melayu dalam pekerjaan dan pengaruhnya ke atas keluarga dan rumahtangga. Beliau juga telah mendapati bahawa peluang wanita Melayu bersaing dengan kaum lelaki untuk mendapatkan pekerjaan di luar rumah telah bermula semenjak kedatangan pengaruh Barat di Tanah Melayu.

Mengikut kajian beliau lagi bahawa ciri-ciri utama sistem keluarga dan rumahtangga ialah wujudnya kerjasama di antara suami dan isteri dalam memikul urusan seperti pekerjaan rumahtangga, penjagaan anak-anak, perbelanjaan rumah dan proses dalam membuat keputusan di antara suami dan isteri. Seterusnya beliau mendapati bahawa peranan untuk menguruskan kerja-kerja rumahtangga telah banyak diambil oleh pembantu rumah dan juga saudara mara yang tinggal bersama mereka (Khadijah, 1969 a).

### **Peranan Wanita Melayu**

Peranan wanita perlu merangkumi semua bidang keperluan hidup manusia, seperti ilmu pengetahuan, ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan, politik dan sosial (Ahmad Musadad, 1992). Kesan perubahan dasar kerajaan iaitu peluang untuk mendapatkan pendidikan tinggi yang diberikan seluas-luasnya kepada kaum wanita Melayu. Didapati ramai wanita Melayu telah menggunakan peluang pendidikan, untuk mencapai peringkat kelulusan yang paling tinggi dalam berbagai bidang pengetahuan untuk mendapatkan berbagai peluang dalam bidang pekerjaan, sebagai eksekutif dan pengurus

profesional. Bidang pekerjaan tersebut seperti pentadbiran, akauntan, peguam, guru, pustakawan, jurutera, program komputer, juruanalisa sistem, perniagaan, ahli korporat, pengurusan di peringkat di dalam negara dan antarabangsa.

### **Wanita Dan Pendidikan**

Peningkatan kos hidup yang semakin meningkat di masa kini telah mendorong wanita Melayu yang berpendidikan tinggi dan sederhana untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan bekerja di luar rumah dengan tujuan untuk menambahkan pendapatan keluarga dan meringankan beban dan tanggungan suami atau ketua keluarga mereka. Dengan bekerja di luar rumah maka berlakunya konflik peranan iaitu wanita bukan sahaja tidak dapat menumpukan sepenuh masa dan perhatiannya kepada keluarganya tetapi tingkah laku yang diperlukan di tempat kerja tidak selaras dengan peranan sebagai isteri dan ibu.

Kajian oleh More dan Sawhill (1976) telah mendapati bahawa anak-anak akan mempunyai aspirasi yang tinggi terhadap pelajaran jika ibu-bapa mereka bekerja dan memberikan dorongan yang berterusan terhadap kemajuan pelajaran anak-anak mereka. Berdasarkan kajian tersebut pengkaji lebih berminat untuk melihat kepada kesan-kesan pekerjaan ibu-bapa terhadap anak-anak yang ditinggalkan, tidak mendapat kasih sayang serta penjagaan yang secukupnya. Justeru itu ibu-ibu yang bekerja mereka dapat merasakan

bahawa diri mereka lebih bermakna dan terus dihargai oleh suami dan anak-anak (Wright, 1978).

### **Pernyataan Masalah Kajian**

Selepas berlakunya Revolusi Perusahaan di Barat, rumahtangga bukan lagi menjadi pusat yang penting bagi aktiviti pengeluaran, dan wanita telah menjadi sebahagian besar dari kuasa buruh yang diperlukan dalam bidang pekerjaan. Peluang-peluang pendidikan yang terbuka luas untuk wanita juga telah mendorong ramai wanita Melayu yang tamat sekolah dan universiti untuk mencari pekerjaan yang sesuai, setimpal dengan kelulusan dan pengalaman mereka. Implikasi yang dapat dilihat ialah ramai wanita Melayu masa kini telah menjawat berbagai jawatan penting dan pekerjaan profesional disamping itu mereka masih memegang berbagai peranan dalam rumahtangga iaitu sebagai isteri, seorang ibu dan pekerja.

Terdapat juga sebilangan wanita Melayu yang telah berhenti bekerja setelah mereka berkahwin dan mendapat anak yang pertama, malahan tidak kurang pula bilangan wanita yang masih terus bekerja. Namun kesannya mereka sering menghadapi pelbagai masalah dan konflik peranan berhubung dengan penggabungan berbagai peranan sebagai seorang isteri, ibu dan pekerja (Mazidah, 1980). Pekerjaan telah mengubah kehidupan wanita Melayu yang lebih berdikari dari segi ekonomi, mempunyai gaji sendiri dan kurang bergantung kepada suami mereka tetapi struktur formal yang didapati



di tempat kerja telah banyak mengongkong wanita yang bekerja. Wanita Melayu yang bekerja terpaksa mematuhi beberapa peraturan seperti masa bekerja yang ditetapkan, tidak boleh membawa anak sesukahati ketika berada di tempat kerja, dan mereka terikat dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak majikannya (Strange, 1981).

Seterusnya apa yang dapat diketahui bahawa selain dari peraturan formal dan tidak formal yang dikenakan di tempat kerja, dari kalangan wanita Melayu hari ini telah menghadapi masalah dari segi penjagaan anak-anak, kebanyakan wanita Melayu yang bekerja telah tinggal di bandar-bandar yang jauh dari kaum keluarga, jikalau dahulu wanita yang bekerja boleh mengharapkan pertolongan dari saudara mara untuk menjaga anak-anak dan mengendalikan urusan rumahtangga mereka tetapi perubahan telah berlaku di mana wanita yang bekerja dan tinggal di bandar menghadapi masalah pemencilan sosial.

Wanita yang berkerja, mereka terpisah dari bentuk keselamatan dan penjagaan sosial yang memang tersedia ada dalam keluarga desa yang besar di kampung dan boleh pula didapati di masa kecemasan. Pertolongan tersebut pada lazimnya diberikan oleh saudara mara seperti nenek, adik beradik, ibu-bapa atau emak saudara. Kesan dari perkara tersebut wanita yang bekerja dan tinggal di bandar yang jauh dari saudara maranya, pertolongan yang sedemikian sukar didapati, oleh yang demikian terpaksa mereka membayar kepada orang lain untuk mendapatkan perkhidmatan yang